

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 FEBRUARI 2017 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Allahyarham Tun Abdul Ghafar ketuai penerima darjah kebesaran	Utusan Malaysia
2.	375 diiktiraf sempena Hari Wilayah Persekutuan	Berita Harian
3.	Tun Abdul Ghafar Baba dahului senarai penerima Darjah Kebesaran Wilayah Persekutuan	BERNAMA
4.	Late DPM tops awards list	New Straits Times
5.	It's going to be a wet February	The Star
6.	Investing in green tech for the long haul	The Star

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12 TARIKH : 1 FEBRUARI 2017 (RABU)

Allahyarham Tun Abdul Ghafar ketua penerima darjah kebesaran

PUTRAJAYA 31 Jan. - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba mengetuai senarai 375 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Wilayah Persekutuan, esok.

Allahyarham yang pernah memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri ke-6 dari 10 Mei 1986 sehingga 15 Oktober 1993 dikurniakan Darjah Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Yang turut menerima darjah sama ialah bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

Selain itu, sebanyak 19 orang dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Menteri Kewangan



ALLAHYARHAM TUN ABDUL GHAFAR BABA



ABDUL RAHMAN DAHLAN



JOHAN ABDULLAH



ABDUL RAHIM MOHAMAD RADZI



DR. MOHD. AZHAR YAHYA



MOHD. RAZLAN MUHAMMAD RAFII

II, Datuk Johari Abdul Ghani; Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet), Tan Sri Mazidah Abdul Majid; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk J. Jayasiri.

Yang turut dianugerahkan SMW ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya;

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah; Setiausaha Eksekutif Barisan Nasional (BN), Datuk Abu Khamis; Pengerusi panel syariah Amanah Ikhtiar Malaysia, Datuk Abu Hassan Din; Pengerusi CRSC Holdings Berhad, Datuk Low Wui Keong dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Building Society Bhd. (MBSB), Datuk Ahmad Zaini Othman.

SMW turut dianugerahkan

kepada Pengerusi Al Rajhi Bank Malaysia (ARBM), Datuk Dr. Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani; Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif IM4U, Datuk Seri Ahmad Farid Ridzuan; Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Punjabi Malaysia, Datuk Daljit Singh; Datuk Chiau Beng Teik dari Midas Property; Presiden Parti Makkal Sakti Malaysia, Datuk R.S. Thanenthiran; Datuk Lau Kuan Kam dari PA Resource

Sdn. Bhd.; Ketua UMNO Bahagian Wangsa Maju, Datuk Mohd. Shafei Abdullah dan Ketua UMNO Bahagian Bukit Bendera, Datuk Ahmad Ismail.

Sebanyak 76 orang pula dianugerahkan Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk.

Antara penerima berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr. Rose

Lena Lazemi; Setiausaha Agung Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Ng Chin Chai; Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Zakran Abd Manan; Naib Ketua UMNO Labuan, Khalid A. Ghani; Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, Mohd. Razlan Muhammad Rafii dan Pengarah Urusan Makkal Osai Sdn. Bhd., Sunther Subramaniam.

Selain itu, sebanyak 32 individu dianugerahkan Johan Mahkota Wilayah (JMW) dan 75 menerima Kesatria Mahkota Wilayah (KMW).

Sementara itu, sebanyak 76 orang menerima anugerah Ahli Mahkota Wilayah (AMW) dan 95 Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW) termasuk jurugambar *Utusan Malaysia* Biro Putrajaya, Mohd. Zaki Amirudin.

375 diiktiraf sempena Hari Wilayah Persekutuan

➔ Allahyarham Tun Ghafar tokoh utama penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba disenarai sebagai tokoh utama daripada 375 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Wilayah Persekutuan, hari ini.

Beliau dikurniakan Darjah Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Turut menerima darjah sama, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zaidi Zainal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani bersama 17 penerima dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Penerima lain, antaranya, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi; Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Jayasiri Jayasena; Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya.

Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet), Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Mazidah Majid; Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah.

Turut disenarai, Setiausaha Eksekutif Majlis Tertinggi Barisan Nasional, Datuk Abu Khamis; Pengerusi Panel Penasihat Syariah Amanah Ikhtiar Malaysia, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz; Pengerusi



Allahyarham Tun Ghafar Baba



Abdul Rahman Dahlan



Johari Abdul Ghani



Abdul Rahim Mohamad Radzi



Johan Abdullah



Ahmad Farid Ridzuan



Selva Kumar Mookiah



Mohd Razlan Muhammad Rafii

CRSC Holdings Bhd, Datuk Low Wui Keong; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Building Society Bhd (MBSB), Datuk Ahmad Zaini Othman.

Pengerusi Al Rajhi Banking & Investment Corporation (M) Bhd, Datuk Dr Nik Norzrul Thani N Hassan Thani; Penasihat Komunikasi kepada Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Farid Ridzuan; Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Punjabi Malaysia, Datuk Dajit Singh Gurudeb Singh.

Presiden Parti Makkal Sakthi, Datuk R S Thanenthiran dan Datuk Chiau Beng Teik dari Midas Property; Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, PA Resource Sdn Bhd, Datuk Lau Kuan Kam; Ketua UMNO Wangsa Maju, Datuk Mohd Shafei Abdullah dan Ketua UMNO Bukit Bendera, Pulau Pinang, Datuk Ahmad Ismail.

76 individu terima PMW
Sementara itu, 76 individu dianugerahkan Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk.

Antara yang menerima PMW adalah Ketua Setiausaha Kementrian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Dr Rose Lena Lazemi; Peguam Bela dan Peguam Cara, Selva Kumar Mookiah; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Dr Junaida Lee Abdullah.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio-ekonomi), Kementerian Wilayah Persekutuan, Rosida Jaafar dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan), Kementerian Wilayah Persekutuan, M Noor Azman Taib.

Turut menerima PMW, Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan), Kementerian Wilayah Persekutuan, Ruzaini Idris; Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Dr Anis Yusmal Yusoff; Pengarah Kanan (Kesihatan Pergiangan) Kementerian Kesihatan, Dr Noor Aliyah Ismail.

Pengurus Besar Aset Kayamas, Lee Chan Kuen; Setiausaha Agung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Ng Chin Chai; Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Zakran Abd Manan; Naib Ketua UMNO Labuan, Khalid A Ghani.

Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, Mohd Razlan Muhammad Rafii; Ketua MIC Labuan, Ramasamy Rengasamy; Ketua Pemuda MCA Pulau Pinang, Lee Beng Seng dan Pengarah Urusan Makkal Osai Sdn Bhd, Sunther Subramaniam.

Seramai 32 individu dianugerahkan Johan Mahkota Wilayah (JMw), 75 individu menerima Kesatria Mahkota Wilayah (KMw), 76 individu menerima anugerah Ahli Mahkota Wilayah (AMw) dan 95 individu menerima Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPw).

Seorang daripada penerima JMw adalah pendakwah, Dr Mohd Farid Ravi Abdullah, manakala pasangan beregu lelaki badminton yang meraih pingat perak pada Sukan Olimpik Rio 2016, Goh Wei Shem dan Tan Wee Kiong menerima KMw.

Yang turut menerima KMw ialah jurulatih badminton, Jeremy Gan Wye Teck.

Pengarang Sukan BH terima AMW

Pengarang Sukan BH, Rasid Rahman dan Presiden Kelab Kar-

tunis Malaysia, Mohd Desa Omar menerima AMw. Seorang lagi penerima AMw ialah personaliti TV3, Azwaliza Azman.

Dua petugas media di Putrajaya iaitu jurufoto, Chai Wai Chuen daripada Sin Chew Media Corporation Bhd dan jurufoto, Mohd Zaki Amiruddin daripada Utusan Melayu (M) Bhd menerima PPw.

Turut menerima PPw ialah pelakon, Datin Naszriah Ngasri yang lebih popular dengan nama Anne Ngasri, iaitu Ketua Puteri UMNO Bahagian Bukit Bintang.

Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan yang bermula sejak tahun 2008 adalah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga Wilayah Persekutuan yang banyak berjasa membangunkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Penganugerahan ini bukan sahaja diberikan kepada warga Wilayah Persekutuan namun turut mengiktiraf mereka yang tidak bermastautin tetapi menabur bakti kepada pembangunan Wilayah Persekutuan.

